



POLISI ANTI RASUAH



JABATAN BIOKESELAMATAN

PENGENALAN

Jabatan Biokeselamatan (JBK) mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap segala bentuk aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Polisi Antirasuah JBK menghuraikan dasar antirasuah dan memberi panduan kepada pegawai dan kakitangan tentang kaedah menangani permohonan yang tidak wajar berkaitan dengan aktiviti suapan dan kegiatan rasuah yang berpotensi untuk berlaku dalam menjalankan tugas seharian.

Polisi Antirasuah JBK ini juga menjadi kerangka utama terhadap prosedur bagaimana JBK dan semua pegawai dan kakitangan boleh menangani kes-kes suapan, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di mana garis panduan yang disediakan adalah untuk mencegah berlakunya aktiviti rasuah.

PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada Pengurusan Tertinggi, pegawai dan kakitangan JBK serta ahli Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan (LBK) dan jawatankuasa-jawatankuasa di bawah LBK. Selain itu, ia turut terpakai kepada mana-mana pihak yang mempunyai urusan (melibatkan permohonan, pertimbangan atau pengendorsan oleh JBK) termasuk syarikat atau individu perseorangan, konsultan, ejen serta kontraktor/pembekal, sub-kontraktor/pembekal atau wakil yang menjalankan kerja atau perkhidmatan kepada atau bagi pihak JBK;

Peruntukan di dalam polisi ini dibuat selaras dengan undang-undang yang diguna pakai di Malaysia.

PERNYATAAN DASAR POLISI ANTIRASUAH

"JBK komited ke arah pengukuhan integriti dengan menerapkan konsep bersih, cekap dan amanah serta berpegang teguh kepada amalan integriti dan akauntabiliti".



KOD ETIKA JBK

Kod Etika JBK adalah seperti berikut:

- 1) Profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan
- 2) Akauntabiliti tinggi dan kedaulatan undang-undang
- 3) Mengutamakan kepentingan pelanggan
- 4) Tiada percanggahan kepentingan (*no conflict of interest*)
- 5) Melindungi rahsia rasmi
- 6) Ketelusan dalam pemilikan harta
- 7) Polisi tidak menerima hadiah (*no-gift policy*)
- 8) Berwaspada dalam penglibatan dalam pertubuhan, persatuan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan lain-Lain

POLISI TIDAK MENERIMA HADIAH

Definisi Hadiah

Hadiah bermaksud wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai diberi kepada atau diterima oleh pegawai, isterinya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang.



Dasar

- 1) JBK mengamalkan Polisi Tidak Menerima Hadiah.
- 2) Polisi Tidak Menerima Hadiah ini turut terpakai kepada semua Pengurusan Tertinggi dan ahli keluarga, Ahli Lembaga dan ahli keluarga, pegawai dan kakitangan JBK serta ahli keluarga dan turut terpakai kepada ejen yang bertindak bagi pihak JBK termasuk semua konsultan, kontraktor/pembekal dan lain-lain yang menjalankan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak JBK.
- 3) Pemakaian polisi ini bertujuan untuk melarang berlakunya pemberian/penerimaan hadiah sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi mengelak berlakunya konflik kepentingan (conflict of interest).

4) Penerimaan hadiah adalah menjadi kesalahan apabila:

- a. hadiah itu diterima atau diminta secara atau dengan niat rasuah bahawa ia adalah satu dorongan atau upah kepada pegawai itu bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau telah tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung dengan hal-ehwal atau urusan prinsipalnya atau dalam menjalankan kerja-kerja rasminya (Seksyen 9 dan 10, Akta Pencegahan Rasuah 1997, Seksyen 161 dan 162, Kanun Keseksaan);
- b. orang yang memberi hadiah itu mempunyai perhubungan dengan kerja-kerja rasmi pegawai itu sendiri atau dengan kerja rasmi seseorang pegawai yang di bawahnya dia bekerja dan pemberian serta penerimaan itu tidak dibuat dengan suci hati sebaliknya ia dilakukan dengan satu niat jenayah; atau

c. hadiah itu diterima dengan niat jenayah daripada seseorang, yang pegawai itu ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh pegawai itu (Seksyen 165, Kanun Keseksaan).

5) Jabatan juga mengamalkan dasar tidak memberikan hadiah kepada para tetamu khas yang merasmikan atau terlibat dengan apa-apa upacara rasmi jabatan. Walaupun demikian jika hadiah itu didapati perlu diberi atas sebab-sebab tertentu, maka pemberian itu bolehlah dibuat tetapi hendaklah berbentuk cenderahati yang tidak mahal harganya seperti lencana (plaque), pennant, barang kraftangan yang dihasilkan sendiri oleh JBK atau apa-apa bentuk bahan atau barangan bercetak yang berkaitan dengan JBK dan bertujuan untuk mempromosi jabatan

LARANGAN MENJALANKAN PEKERJAAN LUAR BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN JBK



- 1) Pegawai dan kakitangan JBK adalah dilarang menjalankan pekerjaan luar termasuk:
 - a. mengambil bahagian secara langsung atau tak langsung dalam pengurusan atau perjalanan apa-apa pengusahaan komersial, pertanian atau perindustrian;
 - b. mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja untuk mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian; atau
 - c. sebagai seorang pakar, memberikan apa-apa laporan atau keterangan pakar, sama ada dengan percuma atau dengan mendapat upah.

- 2) Walau bagaimanapun, menurut Kaedah Peraturan 5(2)(1). Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 [p u. (a) 395] menyatakan bahawa: Pegawai dan kakitangan JBK boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah boleh membenarkan pekerja itu memberikan apa-apa perkhidmatan tertentu tertakluk kepada syarat-syarat yang mesti dipatuhi.
- 3) Dalam menimbangkan sama ada hendak memberikan kebenaran atau tidak di bawah subkaedah (3)(2), Ketua Pengarah hendaklah mengambil kira tatakelakuan yang ditetapkan dalam peraturan 4 (Kelakuan dan Tatatertib) dan khususnya hendaklah memastikan bahawa perkhidmatan tertentu itu:
 - a. tidak dilakukan semasa waktu pejabat atau semasa pekerja itu dikehendaki menjalankan tugas rasminya;


- b. tidak akan dengan apa-apa cara berkemungkinan menjejaskan kebergunaan pekerja itu sebagai seorang kakitangan jabatan atau penjawat awam; dan
- c. tidak akan dengan apa-apa cara berkemungkinan bercanggah dengan kepentingan jabatan atau menjadi tidak konsisten dengan kedudukan pekerja itu sebagai seorang kakitangan jabatan atau dengan kepentingan perkhidmatan awam.

PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN



- 1) *Integrity Pact* adalah suatu proses pengisytiharan oleh individu untuk tidak meminta atau menerima rasuah sebagai ganjaran bagi mendapatkan kelulusan atau sesuatu urusan Perolehan Kerajaan.
- 2) Pegawai kerajaan dikehendaki menandatangani satu ikrar atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pengurusan perolehan serta mengambil maklum tindakan-tindakan yang boleh diambil ke atasnya sekiranya berlaku pelanggaran perjanjian tersebut.
- 3) Pelaksanaan *Integrity Pact* adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP).
- 4) Bagi meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan di JBK, semua pegawai dan kakitangan JBK yang terlibat dalam perolehan adalah dikehendaki menandatangani *Integrity Pact*.

- 5) Di samping itu, Peringatan Kesalahan Rasuah juga dimasukkan dalam Surat Setuju Terima dan Dokumen Tender untuk melibatkan pembida atau penerima kontrak perolehan dalam perjanjian bebas rasuah atau *integrity pact*.



Jabatan Biokeselamatan
Kementerian Alam Sekitar dan Air
Tel : (603) - 80917318
Faks : (603) - 80917371
Laman Web : <http://www.biosafety.gov.my>